

AGM Umno: Wakil Melaka dakwa pembangkang hanya fitnah BN
The Malaysian Insider
02 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 2 Dis — Perwakilan Umno menyambung perbahasan dengan membidas pembangkang yang disifatkan mereka sentiasa mencari jalan memperlekehkan usaha kerajaan Barisan Nasional serta memfitnah pemimpin Umno.

Wakil Melaka Datuk Hasnoor Sidang Husin berkata pembangkang menipu rakyat kononnya mereka mewakili suara masyarakat, sedangkan segala yang dibangkit adalah luahan kelompok mereka sendiri.

"Mereka mendesak pemansuhan Akta ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) beralaskan slogan demokrasi dan kebebasan bersuara, namun bila kerajaan umumkan bakal memansuhkan akta ini, tak ada pun kenyataan menyokong dan berterima kasih kepada Perdana Menteri," kata Ketua Penerangan Umno Bukit Katil itu ketika membahas usul ucapan dasar presiden, di sini.

Katanya, pembangkang akan terus menabur fitnah untuk menimbulkan persepsi buruk terhadap Umno dan pemimpinnya.

Wakil Pahang Datuk Wan Amizan Wan Abdul Razak pula menyeru anggota Umno agar bangkit menangkis segala fitnah pembangkang itu.

"Pembangkang melontarkan fitnah bertalu-talu terhadap Presiden (Datuk Seri Najib Razak) sampaikan ketika beliau mengerjakan haji pun mereka sebar pelbagai fitnah," katanya dipetik Bernama Online.

Wan Amizan juga membidas segelintir anggota Umno yang turut memburukkan keadaan dengan menokok tambah cerita sehingga mengelirukan pembangkang.

"... jadi bermula hari ini, kita semua berjanji untuk padamkan apa saja fitnah dan keburukan terhadap pemimpin dan parti," katanya.

Dalam pada itu, Wan Amizan memohon agar pemimpin Umno agar tidak menimbulkan kontroversi sehingga mewujudkan keraguan rakyat terhadap kepimpinan parti itu.

Ini kerana katanya, anggota Umno pada peringkat akar umbi menghadapi kesukaran untuk menjawab dan menjelaskan kepada rakyat mengenai permasalahan yang timbul.

Menggunakan Singapura sebagai contoh, katanya, pemimpin Umno bimbang bahawa di bawah kepimpinan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng, negara akan menjadi republik satu hari nanti dengan peraturan dan urus tadbir yang berbeza.

"Lihat apa berlaku di Singapura selepas ia berpisah dari kita, ada kebimbangan apa yang berlaku boleh merebak ke negara-negeri lain seperti Pulau Pinang.

"Lihat bagaimana orang Melayu Singapura dilayan sekarang. Jadi adakah anda rasa tak mustahil perkara itu boleh terjadi di Pulau Pinang?" kata Abdul Rahim.

"Bukannya Umno menentang bukan Melayu menerajui kepimpinan, lihat pada Gerakan. Ia menerajui (kerajaan negeri) Pulau Pinang.

"Bezanya ialah Gerakan tidak pernah menjadi parti dominan dalam Barisan Nasional. Umno yang boleh memastikan hak-hak Melayu dihormati, tetapi dengan Pakatan Rakyat, DAP muncul sebagai parti dominan," katanya.

Dengan menyifatkan DAP sebagai duri utama dalam Pakatan Rakyat kata beliau, jika DAP keluar daripada keseimbangan kuasa, maka tidak akan wujud banyak dalam perbincangan antara PAS, PKR dan Umno.

"DAP adalah masalahnya. Jika anda bawa keluar mereka, apakah tidak mustahil untuk mengadakan perbincangan perpaduan dengan PAS, PKR?"

"Ambil Selangor sebagai satu contoh. Jika PAS dan Umno berganding kita boleh bentuk kerajaan yang akan menjamin hak orang Melayu tanpa DAP," kata Abdul Rahim.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agm-umno-wakil-melaka-dakwa-pembangking-hanya-fitnah-bn/>